



ALMARHUM Sultan Azlan Shah (kiri) ketika menggalas peranan sebagai ketua pasukan hoki Perak bersama seorang pemain, Abdul Hamid Aroop pada 5 November 1949 di Padang Ipoh.



ALMARHUM Sultan Azlan Shah bersalaman dengan rakyat selepas solat sunat Hari Raya Aidiladha di Masjid Sultan Azlan Shah di Jalan Raja Musa Mahadi, Ipoh pada 27 November 2009.

KIRI: Alagendran (kiri) dan Almarhum Sultan Azlan Shah (belakang) meraikan kejayaan skuad kebangsaan meraih pingat Perak dalam Sukan Komanwel 1998 selepas Malaysia tewas 1-2 kepada Australia.

KASMO 29/5/14 MS 2.

Sultan di hati rakyat

Almarhum Sultan Perak, Sultan Azlan Shah Muhibbuddin Shah ibni Almarhum Sultan Yussuff Izzuddin adalah seorang raja yang prihatin kepada rakyat selain berjaya memartabatkan sukan hoki negara.

JASA Almarhum Sultan Perak, Sultan Azlan Shah Muhibbuddin Shah ibni Almarhum Yussuff Izzuddin dalam usaha membangunkan imej pasukan hoki negara kira-kira 41 tahun lalu tidak dapat dinafikan oleh peminat sukan itu.

Bekas Setiausaha Agung Persekutuan Hoki Malaysia (PHM), Tan Sri P. Alagendra dipetik sebagai berkata, minat Almarhum terhadap sukan hoki tidak pernah pudar meskipun ketika bertugas sebagai Majistret Kelas Per-

tama di Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur.

Menurut Alagendra, Almarhum berjanji kaki ke Kelab Diraja Selangor untuk menyaksikan sesi latihan pasukan Selangor pada hampir setiap hari selepas selesai menjalankan tugas sebagai majistret.

Alagendra yang turut bermain bersama pasukan Selangor pada ketika itu menambah, beliau mengajak beberapa rakan sepasukan berjumpa Almarhum untuk menjemput baginda menjadi Naib Presiden PHM.

Ketika menerajui PHM, Almarhum mengilhamkan satu kejuaraan hoki bertaraf dunia yang meletakkan Malaysia sebagai penganjur tetap. Ia bertujuan memberi pendedahan kepada para pemain untuk bersaing dengan pasukan-pasukan handalan dalam kejuaraan itu.

Kejuaraan berprestij dalam arena hoki dunia Piala Sultan Azlan Shah kemudian diperkenalkan pada 1992 dan ia kekal menjadi antara piala yang diburu semua pasukan hoki dunia untuk melengkapkan koleksi pencapaian ma-

sing-masing.

Pada tahun yang sama, Almarhum turut dilantik sebagai Naib Presiden Federasi Hoki Antarabangsa selama dua penggal.

Penglibatan Almarhum dalam kegiatan sukan terutama hoki menjadikan baginda sangat disenangi serta disayangi rakyat di seluruh negara terutama di negeri Perak.

Bantuan

Almarhum tidak hanya mengambil berat terhadap kebajikan para pemain hoki, malah turut melibatkan kesejahteraan hidup semua rakyat baginda.

Menerusi Yayasan Sultan Azlan Shah (YSAS), kebajikan rakyat yang kurang bernasib baik tanpa mengira kaum diberi perhatian bagi membolehkan mereka menjalani hidup dengan lebih baik.

Bantuan kebajikan yayasan tersebut disalurkan menerusi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pelbagai organisasi sukarela untuk memastikan setiap dana yang diberikan dapat di-

salurkan secara terus kepada golongan sasaran.

Pada 23 Disember lalu, Almarhum menyumbangkan dana YSAS sebanyak RMI juta kepada Institut Jantung Negara (IJN) bagi menyokong usaha meningkatkan standard perubatan untuk penghidap penyakit berkaitan jantung.

Selain itu, YSAS turut menyumbangkan dana sebanyak RM500,000 kepada Pusat Kreatif Kanak-Kanak Tuanku Bainun (PKKTB) dan RM100,000 kepada Persatuan Diabetes Malaysia bagi tujuan kebajikan.

Di samping menyampaikan bantuan kepada rakyat menerusi YSAS, Almarhum turut menghulur bantuan kepada golongan kurang bernasib baik. Almarhum juga menunaikan solat sunat Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha bersama rakyat di masjid-masjid utama di Perak setiap tahun untuk mengeratkan hubungan Almarhum dengan rakyat.



ALMARHUM Sultan Azlan Shah bersalaman dengan kanak-kanak selepas solat sunat Aidilfitri di Masjid Ubudiah Bukit Chandan, Kuala Kangsar.

ALMARHUM Sultan Azlan Shah melawat pameran Robotik pada Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sultan Azlan Shah pada 18 Mei 2009 di Seri Iskandar, Bota.



ALMARHUM Sultan Azlan Shah berbual dengan seorang ketua masyarakat Orang Asli ketika perasmian Kompleks Pentadbiran dan Pusat Transit Kesihatan Jabatan Kemajuan Orang Asli di Kuala Kangsar pada 4 Mei 2010.

BAWAH: Jurugambar Syed Abdullah menyerahkan potret Tunku Abdul Rahman yang sedang membaca kepada Almarhum Sultan Azlan Shah ketika perasmian Pameran Residen Tunku Abdul Rahman di Galeri Raffine Art di Kuala Lumpur pada 19 November 2008.

